

AKHBAR : SELANGOR KINI  
TARIKH / HARI : 18 OGOS 2017 (JUMAAT)

## Keputusan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

# 10 PBT Selangor bertaraf lima bintang

*Sijah  
18/8/2017*

OLEH LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Sepuluh dari 12 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor menerima penarafan lima bintang daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pengarah Komunikasi Strategik Pejabat Menteri Besar, Yin Shao Loong berkata, penarafan berdasarkan Keputusan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung Malaysia dan Labuan (Tahun 2016) itu turut menyaksikan dua lagi PBT memperoleh empat bintang.

Katanya, penilaian dibuat Pasukan Inspektorat SPB-PBT KPKT membabitkan semua PBT

di Semenanjung Malaysia dan Labuan yang dijalankan, pada 15 Februari hingga 10 November 2016.

"Kriteria penilaian ke atas sistem penarafan berkenaan membabitkan pengurusan, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan komuniti serta pandangan penduduk," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, penarafan cemerlang KPKT itu sekali lagi membuktikan prestasi membanggakan PBT, di bawah Kerajaan Negeri.

Katanya, ia juga sejajar hasil tinjauan Merdeka Centre for Opinion Research yang mendapati 74 peratus responden berpuas hati dengan prestasi

PBT, di Selangor.

"Kerajaan Negeri akan terus meningkatkan mutu penyampaian dan perkhidmatan PBT demi mengangkat martabat rakyatnya," katanya.

PBT yang mendapat penarafan lima bintang ialah Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Daerah Kuala Selangor.

Manakala, Majlis Daerah Hulu Selangor dan Majlis Daerah Sabak Bernam pula mendapat penarafan empat bintang.